KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Embargo sehingga jam 1200, Isnin, 19 Oktober 2026

SIARAN MEDIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN SEPTEMBER 2026

Pertumbuhan Menyeluruh Pacu Prestasi Luar Biasa Perdagangan September

Prestasi perdagangan Malaysia mencatatkan pencapaian luar biasa bagi tempoh sembilan bulan pertama 2026 apabila jumlah perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing merekodkan nilai tertinggi bagi tempoh Januari hingga September. Pencapaian ini mencerminkan kekukuhan prestasi perdagangan negara dalam persekitaran ekonomi global yang dinamik. Jumlah perdagangan meningkat 30.1% tahun ke tahun kepada RM2.910 trilion, dengan eksport berkembang 34.0% kepada RM1.571 trilion dan import naik 25.7% kepada RM1.339 trilion, menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM232.38 bilion yang meningkat 115.7%.

Pertumbuhan eksport Malaysia bagi tempoh sembilan bulan pertama 2026 disokong oleh peningkatan secara keseluruhan eksport sektor perkilangan dan hasil galian, dengan kedua-duanya mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, dengan nilai eksport meningkat hampir RM254 bilion, didorong oleh permintaan global yang berterusan terhadap semikonduktor, peningkatan pelaburan dalam kecerdasan buatan (AI) serta penggunaan teknologi digital yang semakin meluas. Pertumbuhan eksport turut disokong oleh keluaran petroleum, barangan optik dan saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan perkilangan logam. Sementara itu, peningkatan eksport bijih logam dan serpihan logam serta gas asli cecair (LNG) menyumbang kepada prestasi positif sektor hasil galian.

Dari segi pasaran, prestasi eksport Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan eksport ke rakan dagang utama, dengan ASEAN, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Taiwan dan Kesatuan Eropah masing-masing mencatatkan pertumbuhan yang ketara. Pertumbuhan eksport turut meluas ke pasaran rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia, yang mencerminkan permintaan yang lebih kukuh di pasaran seperti Hong Kong SAR, Jepun, India, Republik Korea, Australia, Mexico, Türkiye, United Kingdom, Kanada dan Peru.

Prestasi perdagangan luar Malaysia turut mencatatkan pencapaian luar biasa pada September 2026 apabila jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan nilai bulanan tertinggi pernah dicatatkan. Jumlah perdagangan melonjak 53.7% tahun ke tahun kepada RM396.50 bilion, disokong oleh pertumbuhan kukuh melebihi 50% dalam kedua-dua eksport dan import. Eksport melonjak 54.5% kepada RM215.11 bilion, mencatatkan pertumbuhan terpantas sejak April 2021 dan buat pertama kalinya melepasi nilai RM200 bilion. Sementara itu, import meningkat 52.7% kepada RM181.39 bilion. Malaysia turut mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM33.72 bilion, meneruskan trend lebihan bagi 77 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

Momentum perdagangan positif bagi tempoh Januari hingga September 2026 adalah selaras dengan prospek perdagangan luar dan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan. Menurut Tinjauan Ekonomi 2027 Kementerian Kewangan (MOF), jumlah perdagangan diunjurkan berkembang 27.2% pada 2026, dengan eksport meningkat 31.0% dan import bertambah 23.1%. Dari segi ekonomi, MOF mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2026 di antara 4.8% hingga 5.3%. Bank Dunia turut menaikkan unjuran pertumbuhan Malaysia kepada 5.1%, (April 2026: 4.4%). Pada peringkat global, WTO menyemak naik unjuran pertumbuhan volum perdagangan barangan dunia bagi 2026 kepada 3.9% (Mac 2026: 1.9%).

Meskipun prospek perdagangan kekal positif, prestasi perdagangan Malaysia masih terdedah kepada ketidaktentuan susulan perubahan dasar perdagangan oleh ekonomi utama dan ketegangan geopolitik, khususnya konflik berterusan di Asia Barat, yang berpotensi mengganggu aliran perdagangan global serta meningkatkan tekanan kos.

MITI dan MATRADE akan terus memantau perkembangan ini, memperkukuh kepelbagaian pasaran, memperluas akses ke pasaran berpertumbuhan tinggi serta membantu pengeksport Malaysia menyesuaikan diri dengan perubahan landskap perdagangan global.

Butiran lanjut mengenai **Prestasi Perdagangan Malaysia bagi September 2026 dan Januari hingga September 2026** boleh didapati di **Lampiran** di bawah, yang perlu dibaca bersama dengan **Nota** yang mengiringi laporan ini.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
19 OKTOBER 2026

Mengenai MITI

MITI merupakan peneraju utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti serta memperkukuh kedudukan negara sebagai sebuah negara perdagangan yang berdaya saing di peringkat global. Objektif dan peranan MITI tertumpu pada usaha memastikan pembangunan ekonomi Malaysia yang pesat serta membantu merealisasikan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Strategik, MITI

Tel : +603 6200 0083
Faks : + 603 6206 4293
Email : alluks@miti.gov.my

Lampiran

Prestasi Eksport Sektor Utama 5

Eksport Barangan Perkilangan dan Hasil Galian Cecah Nilai Tertinggi Setakat Ini. 5

Barangan eksport utama pada September 2026: 5

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama 6

ASEAN – Catat Nilai Eksport Tertinggi 6

Pecahan eksport ke negara ASEAN: 6

China - Pertumbuhan Eksport Kesembilan Bulan Berturut-Turut 7

AS – Eksport Mengukuh ke Nilai Tertinggi Baharu 8

Taiwan – Nilai Tertinggi Eksport Setakat Ini 8

EU – Pertumbuhan Dua Digit Jumlah Perdagangan dan Eksport Kekal bagi Enam Bulan Berturut-turut 9

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA 10

Prestasi Import 11

Nota: 13

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA 14

JADUAL 2: RAKAN DAGANG UTAMA (SEPTEMBER 2026) 15

JADUAL 3: RAKAN DAGANG UTAMA (JANUARI-SEPTEMBER 2026) 15

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER 2026) 16

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER 2026) 16

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2026) 17

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2026) 17

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026) 18

JADUAL 9: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026) 18

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SEPTEMBER 2026) 19

JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (SEPTEMBER 2026) 19

JADUAL 14: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026) 21

JADUAL 15: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026) 21

JADUAL 16: PASARAN EKSPORT KE RAKAN DAGANG FTA (SEP. 2026) 22

JADUAL 17: PASARAN EKSPORT KE RAKAN DAGANG FTA (JAN-SEP 2026) 23

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2020 – SEPTEMBER 2026 24

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barangan Perkilangan dan Hasil Galian Cecah Nilai Tertinggi Setakat Ini

Pada September 2026, eksport barangan perkilangan yang menyumbang 89.1% kepada jumlah eksport melonjak 58.6% kepada nilai bulanan tertinggi sebanyak RM191.57 bilion. Prestasi ini didorong oleh peningkatan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, barangan optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Eksport barangan E&E serta barangan optik dan saintifik masing-masing mencatat nilai bulanan tertinggi.

Eksport hasil galian (5.3% syer) melonjak 56.3% tahun ke tahun kepada RM11.43 bilion, nilai tertinggi pernah direkodkan. Peningkatan ini didorong oleh eksport LNG berikutan harga eksport yang lebih tinggi, serta petroleum mentah yang disokong oleh kenaikan harga dan kuantiti eksport, di samping bijih logam dan serpihan logam.

Sebaliknya, eksport keluaran pertanian (4.2% syer) menyusut 5.7% kepada RM9.03 bilion, berikutan nilai eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih rendah akibat penurunan kuantiti eksport.

Barangan eksport utama pada September 2026:

- Barangan E&E, bernilai RM110.23 bilion dan merangkumi 51.2% daripada jumlah eksport, meningkat 69.2% berbanding September 2025;
- Keluaran petroleum, RM12.17 bilion, 5.7% daripada jumlah eksport, ↑33.2%;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM8.73 bilion, 4.1% daripada jumlah eksport, ↑38.4%;
- Barangan optik dan saintifik, RM8.11 bilion, 3.8% daripada jumlah eksport, ↑43.2%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM6.77 bilion, 3.1% daripada jumlah eksport, ↓9.1%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan, hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.1%, 12.8% dan 20.8%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, eksport barangan perkilangan meningkat 37.6% kepada RM1.395 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Peningkatan ini didorong oleh eksport barangan E&E, keluaran petroleum, barangan optik dan saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan perkilangan logam yang lebih tinggi. Eksport hasil galian turut meningkat 28.1% kepada RM85.25 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport bijih logam dan serpihan logam serta LNG. Sebaliknya, eksport keluaran pertanian merosot 8.5% kepada RM74.44 bilion, dipengaruhi oleh nilai eksport yang lebih rendah bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

Pada September 2026, jumlah perdagangan Malaysia dengan rakan dagang utama iaitu **ASEAN, Republik Rakyat China (China), Amerika Syarikat (AS), Taiwan** dan **Kesatuan Eropah (EU)** merangkumi 73.0% syer daripada jumlah perdagangan.

ASEAN – Catat Nilai Eksport Tertinggi

Jumlah perdagangan Malaysia dengan ASEAN melonjak 53.7% tahun ke tahun kepada RM102.65 bilion pada September 2026, menyumbang 25.9% kepada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport mencatatkan pertumbuhan dua digit untuk bulan keenam berturut-turut, meningkat 46.2% kepada nilai tertinggi pernah direkodkan sebanyak RM59.55 bilion. Prestasi ini disokong oleh eksport yang kukuh bagi barangan E&E serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN meningkat 65.4% kepada RM43.10 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM35.45 bilion, ↑50.4%, tahun ke tahun;
- Thailand RM8.68 bilion, ↑57.3%;

- Viet Nam RM7.68 bilion, ↑55.0%;
- Indonesia RM4.29 bilion, ↑9.9%;
- Filipina RM2.39 bilion, ↑18.0%;
- Kemboja RM373.4 juta, ↑3.9%;
- Brunei RM336.1 juta, ↑24.4%;
- Myanmar RM323.5 juta, ↑193.2%;
- Timor-Leste RM20.3 juta, ↑56.6%; dan
- Lao PDR RM12.2 juta, ↑84.7%.

Kesemua pasaran ASEAN mencatatkan pertumbuhan eksport. Eksport ke **Singapura**, **Thailand** dan **Viet Nam** masing-masing meningkat sebanyak RM11.88 bilion, RM3.16 bilion dan RM2.73 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E. Eksport ke **Singapura** dan **Thailand** masing-masing mencatat nilai bulanan tertinggi pernah direkodkan.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing naik 15.0%, 13.6% dan 16.9%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan Malaysia dengan ASEAN berkembang 29.0% kepada RM744.02 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Eksport ke rantau ini meningkat 25.5% kepada RM427.61 bilion, didorong oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan optik dan saintifik serta barangan perkilangan logam. Import dari ASEAN bertambah 34.1% kepada RM316.41 bilion.

China - Pertumbuhan Eksport Kesembilan Bulan Berturut-Turut

Jumlah perdagangan dengan China berkembang 51.7% tahun ke tahun kepada RM72.69 bilion pada September 2026, menyumbang 18.3% kepada jumlah perdagangan Malaysia dan mencatatkan pertumbuhan dua digit untuk bulan ke-13 berturut-turut. Eksport naik 22.1% kepada RM20.39 bilion, meneruskan pertumbuhan yang kesembilan bulan berturut-turut. Prestasi ini disokong oleh eksport barangan E&E, LNG serta bijih logam dan serpihan logam yang lebih tinggi. Import dari China menokok 67.6% kepada RM52.29 bilion.

Berbanding Ogos 2026, jumlah perdagangan dan import masing-masing bertambah 11.7% dan 17.8%, manakala eksport menyusut 1.5%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan dengan China meningkat 37.0% kepada RM529.37 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Eksport berkembang 23.5% kepada RM168.96 bilion, dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan E&E, bijih logam dan serpihan logam, LNG serta barangan optik dan saintifik. Import dari China berkembang 44.5% kepada RM360.41 bilion.

AS – Eksport Mengukuh ke Nilai Tertinggi Baharu

Pada September 2026, jumlah perdagangan dengan AS merangkumi 12.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia dan melonjak 72.8% tahun ke tahun kepada RM49.87 bilion. Eksport berkembang 89.9% kepada nilai tertinggi pernah direkodkan sebanyak RM38.03 bilion, disokong terutamanya oleh kenaikan eksport barangan E&E. Import dari AS meningkat 34.1% kepada RM11.84 bilion.

Berbanding Ogos 2026, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 4.9%, 1.6% dan 17.3%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan dengan AS meningkat 39.6% kepada RM378.70 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Eksport berkembang 69.1% kepada RM282.07 bilion, dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan E&E, barangan optik dan saintifik serta barangan perkilangan logam. Import dari AS menyusut 7.5% kepada RM96.63 bilion.

Taiwan – Nilai Tertinggi Eksport Setakat Ini

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Taiwan meningkat dua kali ganda berbanding September 2025, melonjak 101.8% tahun ke tahun kepada RM40.71 bilion dan mewakili 10.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport meningkat lebih dua kali ganda, berkembang 175.2% kepada RM21.45 bilion, disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi barangan E&E, LNG serta barangan optik dan saintifik. Nilai ini

merupakan yang tertinggi pernah direkodkan setakat ini. Import dari Taiwan bertambah 55.6% kepada RM19.26 bilion.

Berbanding Ogos 2026, jumlah perdagangan dan eksport masing-masing meningkat 13.2% dan 49.8%, manakala import menurun 11.0%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan dengan Taiwan meningkat 47.1% kepada RM254.21 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Eksport melonjak 88.0% kepada RM116.58 bilion, hasil daripada peningkatan eksport barangan E&E, barangan optik dan saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan serta LNG. Import dari Taiwan menokok 24.2% kepada RM137.63 bilion.

EU – Pertumbuhan Dua Digit Jumlah Perdagangan dan Eksport Kekal bagi Enam Bulan Berturut-turut

Jumlah perdagangan dengan EU, yang mewakili 5.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada September 2026, berkembang 17.8% tahun ke tahun kepada RM23.59 bilion. Eksport meningkat 24.7% kepada RM14.79 bilion, disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan E&E. Jumlah perdagangan dan eksport ke EU masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit untuk bulan keenam berturut-turut. Import dari EU naik 7.9% kepada RM8.80 bilion.

10 pasaran utama EU yang mewakili 95.0% daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini adalah:

- Belanda RM6.18 bilion, meningkat 44.7%, tahun ke tahun;
- Jerman RM2.57 bilion, ↓1.4%;
- Perancis RM1.14 bilion, ↑146.7%;
- Itali RM804.1 juta, ↑29.0%;
- Ireland RM781.3 juta, ↑34.2%;
- Republik Czech RM762.1 juta, ↑128.6%;
- Belgium RM567.6 juta, ↑18.7%;
- Poland RM463.0 juta, ↑7.2%;
- Sepanyol RM436.8 juta, ↓34.2%; dan
- Hungary RM343.3 juta, ↓21.3%.

Antara pasaran eksport utama yang mencatatkan pertumbuhan ialah **Belanda**, dengan peningkatan sebanyak RM1.91 bilion tahun ke tahun, **Perancis** sebanyak RM680.2 juta, **Ireland** sebanyak RM199.3 juta, **Republik Czech** sebanyak RM428.7 juta, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E. Eksport ke **Republik Czech** mencatatkan nilai bulanan tertinggi pernah direkodkan.

Sementara itu, eksport ke **Itali** meningkat sebanyak RM180.6 juta, berikutan pertambahan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, **Belgium,** sebanyak RM89.4 juta, disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran petroleum dan **Poland** sebanyak RM31.1 juta, dipacu oleh pertambahan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang sebanyak 5.9%, 8.1% dan 2.4%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan dengan EU naik 20.6% kepada RM199.83 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025. Eksport melonjak 27.9% kepada RM119.20 bilion, disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan E&E dan keluaran petroleum. Import dari EU bertambah 11.2% kepada RM80.63 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada September 2026, jumlah perdagangan dengan rakan dagang FTA yang merangkumi 66.0% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 53.1% tahun ke tahun kepada RM261.73 bilion. Eksport ke rakan dagang FTA bertambah 42.0% kepada RM130.78 bilion, manakala import berkembang 66.0% kepada RM130.94 bilion.

Pasaran yang mencatatkan pertumbuhan eksport ialah **Hong Kong SAR**, yang melonjak 86.3% tahun ke tahun kepada RM15.01 bilion, **Jepun**, sebanyak 40.3% kepada RM8.74 bilion, **Mexico**, sebanyak 65.8% kepada RM4.53 bilion dan **Australia**,

sebanyak 19.1% kepada RM4.86 bilion, disokong oleh peningkatan eksport barangan E&E.

Sementara itu, eksport ke **Emiriah Arab Bersatu (UAE)** meningkat 36.1% tahun ke tahun kepada RM1.52 bilion dan **Türkiye**, sebanyak 4.8% kepada RM1.59 bilion, berikutan eksport keluaran petroleum yang kukuh. Eksport ke **Peru** berkembang 42.2% kepada RM56.7 juta dan **Chile**, sebanyak 17.5% kepada RM47.4 juta, disumbangkan oleh kenaikan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan.

Selain itu, eksport ke **India** melonjak 43.7% tahun ke tahun kepada RM6.46 bilion, disokong oleh peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, eksport ke **United Kingdom (UK)** berkembang 65.3% kepada RM1.26 bilion berikutan kenaikan eksport kelengkapan pengangkutan, eksport ke **Republik Korea (ROK)** naik 21.7% kepada RM5.10 bilion, dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan optik dan saintifik dan eksport ke **Kanada** melonjak 132.9% kepada RM1.01 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan besi dan keluli. Eksport ke **Hong Kong SAR**, **UK** dan **Kanada** masing-masing mencatatkan nilai bulanan tertinggi setakat ini.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import dengan rakan dagang FTA masing-masing meningkat sebanyak 14.0%, 11.1% dan 17.1%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2026, jumlah perdagangan dengan rakan dagang FTA naik 30.9% kepada RM1.916 trilion, eksport berkembang 25.8% kepada RM986.38 bilion, manakala import menokok 36.8% kepada RM929.51 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2025.

Prestasi Import

Jumlah import pada September 2026 meningkat 52.7% tahun ke tahun kepada RM181.39 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang menyumbang 69.1% kepada jumlah import ialah:

- **Barangan perantaraan**, bernilai RM92.10 bilion atau 50.8% daripada jumlah import, melonjak 69.6% tahun ke tahun, hasil kenaikan import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan;

- **Barangan modal**, bernilai RM22.32 bilion atau 12.3% daripada jumlah import, meningkat 20.9% berikutan peningkatan import barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan

- **Barangan penggunaan**, bernilai RM10.91 bilion atau 6.0% daripada jumlah import, naik 18.2% disebabkan oleh peningkatan import barangan tidak tahan lama.

Berbanding Ogos 2026, import meningkat 11.3%. Import barangan perantaraan naik 1.5%, import barangan modal bertambah 3.5% dan import barangan penggunaan menokok 17.9%.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2026, import berkembang 25.7% kepada RM1.339 trilion berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Import barangan perantaraan naik 21.1% kepada RM645.77 bilion, barangan modal meningkat 9.3% kepada RM174.76 bilion dan barangan penggunaan meningkat 5.2% kepada RM91.70 bilion.

Nota:

- *Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang laindan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbangan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".*

- *Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada Rabu, 28 Oktober 2026 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam).*

- *Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (http://www.miti.gov.my) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (http://www.matrade.gov.my).*

- *Data bulan September 2026 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*

- *Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.*

- *24 rakan dagang FTA terdiri daripada Australia, Brunei, Chile, China, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Hong Kong SAR, India, Indonesia, Jepun, Kanada, Kemboja, Lao PDR, Myanmar, Mexico, New Zealand, Pakistan, Peru, Republik Korea, Singapura, Thailand, Türkiye, United Kingdom dan Viet Nam.*

- *Mulai bulan rujukan Februari 2020, United Kingdom tidak lagi menjadi ahli Kesatuan Eropah (EU).*

- *Mulai bulan rujukan November 2025, Timor Leste menjadi ahli ke-11 ASEAN.*

- *Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barangan). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunapakai daripada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengkelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.*

- *WTO merujuk kepada kuantiti perdagangan barangan dunia manakala IMF merujuk kepada barangan dan perkhidmatan.*

- *Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.*

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	Jumlah Eksport (RM Juta)	Jumlah Import (RM Juta)	Imbangan Perdagangan (RM Juta)	Jumlah Perdagangan (RM Juta)
2025[f]				
Januari	122,881.1	119,164.7	3,716.4	242,045.8
Februari	118,288.3	105,729.7	12,558.7	224,018.0
Mac	137,802.3	112,728.8	25,073.5	250,531.1
April	133,438.7	128,369.4	5,069.3	261,808.1
Mei	127,067.4	125,869.4	1,198.0	252,936.7
Jun	122,309.3	113,284.8	9,024.4	235,594.1
Julai	140,240.0	125,458.2	14,781.8	265,698.3
Ogos	131,341.2	115,479.4	15,861.8	246,820.6
September	**139,254.1**	**118,797.0**	**20,457.1**	**258,051.1**
Oktober	148,444.0	127,895.5	20,548.5	276,339.5
November	135,043.4	128,853.7	6,189.6	263,897.1
Disember	153,281.5	130,927.8	22,353.7	284,209.3
2025(Jan-Dis) [f]	**1,609,391.2**	**1,452,558.4**	**156,832.8**	**3,061,949.6**
2026[p]				
Januari	146,827.7	124,869.2	21,958.5	271,697.0
Februari	130,952.4	114,244.3	16,708.0	245,196.7
Mac	148,788.0	124,291.4	24,496.7	273,079.4
April	183,270.4	154,044.2	29,226.2	337,314.7
Mei	183,860.6	143,987.2	39,873.4	327,847.7
Jun	177,917.8	162,140.1	15,777.7	340,057.9
Julai	193,550.5	171,017.6	22,532.9	364,568.0
Ogos	191,033.2	162,947.8	28,085.4	353,981.0
September	**215,112.7**	**181,388.9**	**33,723.7**	**396,501.6**
Perubahan y-o-y (%)	***12.6***	***11.3***	***20.1***	***12.0***
Perubahan y-o-y (%)	***54.5***	***52.7***	***64.9***	***53.7***
2025[f]				
S1	378,971.7	337,623.1	41,348.6	716,594.8
S2	382,815.3	367,523.6	15,291.7	750,338.9
S3	**410,835.2**	**359,734.6**	**51,100.6**	**770,569.9**
S4	436,768.9	387,677.0	49,091.9	824,446.0
2026[p]				
S1	426,568.1	363,404.9	63,163.2	789,973.0
S2	545,048.9	460,171.5	84,877.4	1,005,220.3
S3	**599,696.3**	**515,354.3**	**84,342.0**	**1,115,050.7**
Perubahan y-o-y (%)	***10.0***	***12.0***	***-0.6***	***10.9***
Perubahan y-o-y (%)	***46.0***	***43.3***	***65.1***	***44.7***
Jan-Sep 2025[f]	1,172,622.3	1,064,881.3	107,740.9	2,237,503.6
Jan-Sep 2026[p]	**1,571,313.3**	**1,338,930.7**	**232,382.6**	**2,910,244.1**
Perubahan y-o-y (%)	***34.0***	***25.7***	***115.7***	***30.1***

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

JADUAL 2: RAKAN DAGANG UTAMA (SEPTEMBER 2026)

Pasaran	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Perdagangan	**396,501.6**	**353,981.0**	**258,051.1**	**12.0**	**53.7**
ASEAN	102,650.4	89,290.7	66,788.3	15.0	53.7
China	72,686.9	65,084.3	47,900.4	11.7	51.7
Singapura	58,319.6	49,712.7	35,560.9	17.3	64.0
AS	49,870.4	47,538.0	28,855.4	4.9	72.8
Taiwan	40,713.2	35,960.5	20,171.5	13.2	101.8
EU	23,586.4	22,269.5	20,014.4	5.9	17.8
ROK	18,558.2	16,976.0	8,594.7	9.3	115.9
Hong Kong SAR	17,118.0	13,444.5	9,626.2	27.3	77.8
Jepun	15,484.1	15,386.6	11,401.0	0.6	35.8
Thailand	14,046.0	12,829.8	10,315.7	9.5	36.2
Viet Nam	13,435.0	11,049.9	7,890.2	21.6	70.3
Indonesia	10,748.4	10,139.0	9,223.6	6.0	16.5

JADUAL 3: RAKAN DAGANG UTAMA (JANUARI-SEPTEMBER 2026)

Pasaran	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Perdagangan	**2,910,244.1**	**2,237,503.6**	**30.1**
ASEAN	744,024.9	576,653.3	29.0
China	529,369.6	386,273.5	37.0
Singapura	397,708.6	302,436.8	31.5
AS	378,704.8	271,257.7	39.6
Taiwan	254,214.8	172,789.7	47.1
EU	199,832.3	165,702.5	20.6
ROK	127,834.8	84,558.9	51.2
Jepun	124,136.4	106,118.6	17.0
Hong Kong SAR	122,292.6	80,619.5	51.7
Thailand	111,805.5	87,694.2	27.5
Viet Nam	95,508.8	65,058.9	46.8
Indonesia	91,985.0	83,479.9	10.2

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER 2026)

Barangan	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	**215,112.7**	**191,033.2**	**139,254.1**	**12.6**	**54.5**
Barangan E&E	110,229.3	92,489.4	65,137.0	19.2	69.2
Keluaran Petroleum	12,173.0	11,066.5	9,141.0	10.0	33.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,726.3	8,628.9	6,307.3	1.1	38.4
Barangan Optik & Saintifik	8,110.9	7,516.9	5,665.0	7.9	43.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	6,774.8	5,485.5	7,450.2	23.5	-9.1
Barangan Perkilangan Logam	6,225.6	6,682.9	4,911.1	-6.8	26.8
LNG	5,491.6	6,096.0	3,769.5	-9.9	45.7
Kimia & Bahan Kimia	5,186.4	5,336.3	5,293.6	-2.8	-2.0
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	3,531.9	3,578.0	3,575.7	-1.3	-1.2
Barangan Makanan Diproses	2,973.3	2,705.8	2,907.8	9.9	2.3

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER 2026)

Pasaran	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	**215,112.7**	**191,033.2**	**139,254.1**	**12.6**	**54.5**
ASEAN	59,552.6	52,432.7	40,730.2	13.6	46.2
AS	38,033.4	37,449.3	20,028.9	1.6	89.9
Singapura	35,454.6	30,731.0	23,573.1	15.4	50.4
Taiwan	21,452.8	14,318.1	7,794.3	49.8	175.2
China	20,393.4	20,702.4	16,698.2	-1.5	22.1
Hong Kong SAR	15,006.1	11,896.2	8,056.3	26.1	86.3
EU	14,787.8	13,679.9	11,858.6	8.1	24.7
Jepun	8,743.1	8,901.1	6,233.5	-1.8	40.3
Thailand	8,676.1	7,287.2	5,515.7	19.1	57.3
Viet Nam	7,681.0	6,467.0	4,955.0	18.8	55.0
India	6,462.9	4,849.8	4,497.7	33.3	43.7
Belanda	6,184.3	5,223.0	4,273.1	18.4	44.7

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2026)

Barangan	S3 2026[p]	S2 2026[p]	S3 2025[f]	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	**599,696.3**	**545,048.9**	**410,835.2**	**10.0**	**46.0**
Barangan E&E	298,371.9	264,978.3	184,021.0	12.6	62.1
Keluaran Petroleum	33,548.3	41,674.5	26,361.0	-19.5	27.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	27,000.5	23,262.9	19,880.8	16.1	35.8
Barangan Optik & Saintifik	23,263.2	22,135.5	17,359.3	5.1	34.0
Barangan Perkilangan Logam	19,942.5	20,004.7	15,555.4	-0.3	28.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	19,501.7	18,270.0	21,498.3	6.7	-9.3
LNG	16,671.2	16,128.7	12,241.2	3.4	36.2
Kimia & Bahan Kimia	16,329.8	17,314.2	16,525.6	-5.7	-1.2
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	11,695.1	11,620.4	10,687.0	0.6	9.4
Barangan Makanan Diproses	8,678.8	8,235.9	9,763.5	5.4	-11.1

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2026)

Pasaran	S3 2026[p]	S2 2026[p]	S3 2025[f]	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	**599,696.3**	**545,048.9**	**410,835.2**	**10.0**	**46.0**
ASEAN	168,000.3	150,351.4	121,687.0	11.7	38.1
AS	108,687.6	98,572.1	54,751.1	10.3	98.5
Singapura	96,214.1	79,141.8	68,758.2	21.6	39.9
China	61,680.4	59,672.8	49,778.8	3.4	23.9
Taiwan	51,124.9	37,091.9	22,707.0	37.8	125.2
EU	43,349.8	40,610.3	34,124.7	6.7	27.0
Hong Kong SAR	37,087.4	35,958.0	21,117.4	3.1	75.6
Jepun	25,992.1	22,105.8	18,979.1	17.6	37.0
Thailand	23,905.2	21,712.5	16,764.1	10.1	42.6
Viet Nam	22,525.7	20,098.4	14,717.2	12.1	53.1
India	18,017.5	16,228.4	13,638.9	11.0	32.1
Belanda	17,129.4	16,758.9	11,492.6	2.2	49.0

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026)

Barangan	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	**1,571,313.3**	**1,172,622.3**	**34.0**
Barangan E&E	766,377.1	512,491.9	49.5
Keluaran Petroleum	99,728.7	78,295.0	27.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	69,843.1	57,944.5	20.5
Barangan Optik & Saintifik	64,543.5	46,678.9	38.3
Barangan Perkilangan Logam	56,644.2	46,373.3	22.1
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	55,275.0	60,906.3	-9.2
Kimia & Bahan Kimia	48,142.8	49,309.4	-2.4
LNG	45,749.1	38,105.0	20.1
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	32,528.7	30,140.7	7.9
Barangan Makanan Diproses	25,242.6	28,675.1	-12.0

JADUAL 9: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026)

Pasaran	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	**1,571,313.3**	**1,172,622.3**	**34.0**
ASEAN	427,610.0	340,629.9	25.5
AS	282,074.5	166,776.2	69.1
Singapura	230,475.6	187,609.9	22.8
China	168,960.7	136,800.6	23.5
EU	119,199.1	93,181.7	27.9
Taiwan	116,580.4	62,008.8	88.0
Hong Kong SAR	104,766.8	66,668.9	57.1
Jepun	67,959.9	57,435.1	18.3
Thailand	63,350.9	47,878.2	32.3
Viet Nam	57,962.1	40,009.9	44.9
India	48,149.4	38,287.8	25.8
ROK	47,359.6	38,471.1	23.1

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SEPTEMBER 2026)

Barangan	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	**181,388.9**	**162,947.8**	**118,797.0**	**11.3**	**52.7**
Barangan E&E	87,926.8	81,288.6	45,730.3	8.2	92.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	14,127.6	12,037.9	9,585.8	17.4	47.4
Keluaran Petroleum	11,871.8	10,485.8	7,992.2	13.2	48.5
Kimia & Bahan Kimia	9,468.2	7,856.8	7,480.1	20.5	26.6
Barangan Perkilangan Logam	7,834.9	6,776.9	5,251.5	15.6	49.2
Petroleum Mentah	5,454.0	6,711.8	6,663.6	-18.7	-18.2
Barangan Optik & Saintifik	4,460.0	4,215.4	2,977.0	5.8	49.8
Kelengkapan Pengangkutan	3,969.1	3,772.7	4,766.0	5.2	-16.7
Bijih Logam & Serpihan Logam	3,209.4	2,272.5	1,464.9	41.2	119.1
Barangan Besi & Keluli	3,030.0	2,265.2	2,271.5	33.8	33.4

JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (SEPTEMBER 2026)

Sumber	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	**181,388.9**	**162,947.8**	**118,797.0**	**11.3**	**52.7**
China	52,293.5	44,381.9	31,202.2	17.8	67.6
ASEAN	43,097.7	36,858.0	26,058.1	16.9	65.4
Singapura	22,865.0	18,981.6	11,987.7	20.5	90.7
Taiwan	19,260.4	21,642.4	12,377.2	-11.0	55.6
ROK	13,455.4	11,863.6	4,402.1	13.4	205.7
AS	11,837.0	10,088.6	8,826.4	17.3	34.1
EU	8,798.6	8,589.6	8,155.9	2.4	7.9
Jepun	6,740.9	6,485.4	5,167.5	3.9	30.4
Indonesia	6,463.4	5,384.6	5,323.2	20.0	21.4
Viet Nam	5,754.0	4,583.0	2,935.2	25.6	96.0
Thailand	5,369.9	5,542.6	4,800.0	-3.1	11.9
Australia	4,027.7	2,705.7	2,677.2	48.9	50.4

JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU KETIGA 2026)

Barangan	S3 2026[p]	S2 2026[p]	S3 2025[f]	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	**515,354.3**	**460,171.5**	**359,734.6**	**12.0**	**43.3**
Barangan E&E	246,043.3	195,314.8	137,172.3	26.0	79.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	40,478.0	35,322.5	30,333.9	14.6	33.4
Keluaran Petroleum	35,803.1	42,629.1	25,152.2	-16.0	42.3
Kimia & Bahan Kimia	26,662.5	28,675.9	23,663.8	-7.0	12.7
Barangan Perkilangan Logam	22,014.5	20,083.2	16,675.0	9.6	32.0
Petroleum Mentah	15,291.3	12,510.2	15,875.5	22.2	-3.7
Kelengkapan Pengangkutan	13,859.1	14,274.9	15,566.0	-2.9	-11.0
Barangan Optik & Saintifik	12,927.4	11,247.5	9,626.8	14.9	34.3
Barangan Besi & Keluli	8,011.5	7,902.7	7,077.6	1.4	13.2
Bijih Logam & Serpihan Logam	7,835.0	6,889.7	5,518.7	13.7	42.0

JADUAL 13: SUMBER UTAMA IMPORT (SUKU KETIGA 2026)

Sumber	S3 2026[p]	S2 2026[p]	S3 2025[f]	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	**515,354.3**	**460,171.5**	**359,734.6**	**12.0**	**43.3**
China	142,503.3	124,748.7	87,347.4	14.2	63.1
ASEAN	121,490.6	111,128.6	80,946.6	9.3	50.1
Singapura	64,519.2	60,671.8	38,665.8	6.3	66.9
Taiwan	55,326.5	44,417.1	40,428.1	24.6	36.9
ROK	37,432.7	23,439.6	16,043.2	59.7	133.3
AS	34,931.0	35,652.3	29,468.2	-2.0	18.5
EU	27,911.1	28,385.0	25,354.0	-1.7	10.1
Jepun	19,794.4	19,572.6	16,435.0	1.1	20.4
Indonesia	18,078.7	16,746.5	15,426.2	8.0	17.2
Thailand	17,400.0	17,424.1	14,662.5	-0.1	18.7
Viet Nam	14,578.7	12,244.7	9,142.9	19.1	59.5
India	10,983.2	11,909.3	5,956.8	-7.8	84.4

JADUAL 14: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026)

Barangan	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	**1,338,930.7**	**1,064,881.3**	**25.7**
Barangan E&E	594,503.2	406,812.8	46.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	106,613.7	89,056.3	19.7
Keluaran Petroleum	102,173.3	72,816.2	40.3
Kimia & Bahan Kimia	77,674.3	71,487.2	8.7
Barangan Perkilangan Logam	58,679.8	48,103.3	22.0
Kelengkapan Pengangkutan	38,874.9	43,977.3	-11.6
Petroleum Mentah	35,106.3	42,151.6	-16.7
Barangan Optik & Saintifik	33,604.1	25,802.7	30.2
Bijih Logam & Serpihan Logam	22,632.0	15,558.1	45.5
Barangan Besi & Keluli	22,265.8	21,208.9	5.0

JADUAL 15: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER 2026)

Sumber	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	**1,338,930.7**	**1,064,881.3**	**25.7**
China	360,409.0	249,472.9	44.5
ASEAN	316,414.9	236,023.4	34.1
Singapura	167,233.0	114,827.0	45.6
Taiwan	137,634.3	110,780.9	24.2
AS	96,630.2	104,481.5	-7.5
EU	80,633.3	72,520.8	11.2
ROK	80,475.2	46,087.9	74.6
Jepun	56,176.5	48,683.5	15.4
Indonesia	48,822.4	46,440.6	5.1
Thailand	48,454.7	39,816.0	21.7
Viet Nam	37,546.7	25,049.0	49.9
India	29,780.1	20,164.2	47.7

JADUAL 16: PASARAN EKSPORT KE RAKAN DAGANG FTA (SEP 2026)

Pasaran	Sep 2026[p]	Ogos 2026[p]	Sep 2025[f]	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport ke Rakan Dagang FTA	**130,784.4**	**117,674.7**	**92,073.1**	**11.1**	**42.0**
Singapura	35,454.6	30,731.0	23,573.1	15.4	50.4
China	20,393.4	20,702.4	16,698.2	-1.5	22.1
Hong Kong SAR	15,006.1	11,896.2	8,056.3	26.1	86.3
Jepun	8,743.1	8,901.1	6,233.5	-1.8	40.3
Thailand	8,676.1	7,287.2	5,515.7	19.1	57.3
Viet Nam	7,681.0	6,467.0	4,955.0	18.8	55.0
India	6,462.9	4,849.8	4,497.7	33.3	43.7
ROK	5,102.8	5,112.4	4,192.5	-0.2	21.7
Australia	4,861.5	3,307.7	4,081.2	47.0	19.1
Mexico	4,526.0	4,759.8	2,729.4	-4.9	65.8
Indonesia	4,285.0	4,754.4	3,900.3	-9.9	9.9
Filipina	2,390.6	2,367.2	2,026.6	1.0	18.0
Turkiye	1,592.0	1,738.5	1,519.1	-8.4	4.8
UAE	1,520.9	1,210.6	1,117.9	25.6	36.1
United Kingdom	1,256.6	962.5	760.4	30.6	65.3
Kanada	1,006.8	592.1	432.3	70.0	132.9
Kemboja	373.4	357.1	359.4	4.6	3.9
Pakistan	362.1	710.7	457.2	-49.0	-20.8
Brunei	336.1	211.6	270.2	58.8	24.4
Myanmar	323.5	230.0	110.3	40.6	193.2
New Zealand	313.7	401.7	500.0	-21.9	-37.3
Peru	56.7	66.3	39.9	-14.5	42.2
Chile	47.4	50.1	40.3	-5.4	17.5
Lao PDR	12.2	7.2	6.6	69.3	84.7

JADUAL 17: PASARAN EKSPORT KE RAKAN DAGANG FTA (JAN-SEP 2026)

Pasaran	Jan-Sep 2026[p]	Jan-Sep 2025[f]	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport ke Rakan Dagang FTA	**986,384.1**	**784,323.1**	**25.8**
Singapura	230,475.6	187,609.9	22.8
China	168,960.7	136,800.6	23.5
Hong Kong SAR	104,766.8	66,668.9	57.1
Jepun	67,959.9	57,435.1	18.3
Thailand	63,350.9	47,878.2	32.3
Viet Nam	57,962.1	40,009.9	44.9
India	48,149.4	38,287.8	25.8
ROK	47,359.6	38,471.1	23.1
Indonesia	43,162.6	37,039.3	16.5
Australia	37,197.3	36,604.5	1.6
Mexico	34,032.4	22,379.9	52.1
Filipina	22,423.6	19,602.0	14.4
Turkiye	15,208.4	14,861.2	2.3
UAE	10,458.0	11,769.2	-11.1
United Kingdom	9,070.9	6,427.9	41.1
Kanada	5,886.0	4,992.0	17.9
New Zealand	4,748.7	4,092.9	16.0
Pakistan	3,995.7	3,838.7	4.1
Myanmar	3,659.6	2,127.4	72.0
Kemboja	3,642.2	3,027.8	20.3
Brunei	2,705.5	3,229.1	-16.2
Chile	536.3	622.5	-13.8
Peru	528.9	492.9	7.3
Lao PDR	143.2	54.3	163.5

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Disediakan oleh: MATRADE

Nota:
p – data provisional
f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2020 – SEPTEMBER 2026

